

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

SAU406 - Seminar Sosiologi Pembangunan

Masa: (3 jam)

Jawab **TIGA** soalan sahaja. **Soalan satu** dari Bahagian A **WAJIB** dijawab. Pilih **DUA** soalan lain dari Bahagian B.

Bahagian A (40 markah)

Jawab **SEMUA** soalan.

1. (a) Apakah erti 'pembangunan' mengikut perspektif sistem dunia-moden?
- (b) Huraikan perkembangan 'sosiologi pembangunan' di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada tokoh-tokoh yang terlibat.
- (c) Sejauhmanakah perkembangan 'sosiologi pembangunan' di Malaysia berbanding dengan perkembangan yang dibuat oleh tokoh-tokoh sosiologi pembangunan peringkat antarabangsa menepati kehendak-kehendak teori?
- (d) Jelaskan pembaikan-pembaikan yang dibuat oleh Wallerstein terhadap sumbangan A.G. Frank dan Samir Amin.
- (e) Sejauhmanakah kursus dapat menerap perkembangan baru dalam teori-teori pembangunan untuk menganalisis 'pembangunan kapitalisme di Semenanjung Malaysia' sejak 1945?

(40 markah)

Bahagian B (60 markah)

Pilih DUA soalan sahaja.

2. Apakah corak dan kecenderungan pengindustrian di Semenanjung. Huraikan perkembangan ini dalam konteks pembangunan kapitalisme? Bisakah Malaysia mencapai status 'maju', tiga puluh tahun yang akan datang?

(30 markah)

3. Huraikan pembentukan kelas sosial dan perjuangan kelas di Semenanjung sejak 1945. Beri tafsiran anda sendiri terhadap fenomena 13 Mei 1969, penguatkuasaan ISA, dan perkembangan parti-parti keetnikan dalam konteks perkembangan kapitalisme.

(30 markah)

4. Dasar Ekonomi Baru merupakan satu projek rekayasa sosial yang cukup besar dan memakan masa selama dua puluh tahun, 1970-1990. Tafsirkan projek ini dalam konteks pembangunan kapitalisme dunia dan nyatakan pandangan anda terhadap 'negara', 'kelas-sosial', 'hubungan etnik' dalam konteks perlaksanaan projek ini.

(30 markah)

5. Pilih satu kelompok miskin yang utama di Semenanjung dan tinjau kedudukannya dalam konteks perkembangan kapitalisme di Semenanjung sejak 1945. Nyatakan 'program-program' yang telah digubal untuk menyelesaikan masalah kemiskinan kelompok yang anda pilih dan sejauhmanakah ia berjaya? Apakah kesan-kesannya terhadap pembentukan kelas masyarakat desa dan implikasinya terhadap politik orang-orang Melayu?

(30 markah)